

INTEGRASI DATA: SIRI 4

POTENSI PENGGUNAAN DATA PENTADBIRAN



Akses kepada data yang pantas, tepat dan menyeluruh bukan lagi satu kelebihan, tetapi satu keperluan asas dalam landskap tadbir urus data. Dalam sektor awam, keperluan kepada maklumat yang berkualiti tinggi menjadi teras kepada pembentukan keputusan yang tepat, pemantauan impak yang berterusan serta penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan.

Apakah data pentadbiran?

Data pentadbiran merujuk kepada maklumat yang dikumpul secara sistematik oleh agensi kerajaan semasa pelaksanaan fungsi untuk tujuan pengurusan, kawal selia dan penyampaian perkhidmatan.

Mengapa data pentadbiran?

Selari dengan aspirasi Kerajaan Digital dan agenda pendigitalan perkhidmatan awam, data pentadbiran kini diiktiraf sebagai aset strategik negara yang memainkan peranan penting dalam memacu inovasi perkhidmatan awam. Sehubungan itu, data ini perlu dimanfaatkan secara menyeluruh dan berstrategik bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus. Potensi besar data pentadbiran merangkumi:

- Mempercepatkan proses pembuatan keputusan
- Mengoptimumkan penggunaan sumber
- Meningkatkan kecekapan operasi
- Memperkukuhkan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan



Pengurusan Bencana



Bencana alam dan krisis memerlukan tindakan segera berasaskan maklumat. Integrasi data pentadbiran membolehkan pemetaan kawasan risiko, pengesanan mangsa, dan penyaluran bantuan berlaku lebih cekap.

Agihan Bantuan Sosial

Penyaluran bantuan yang berkesan memerlukan sistem yang mampu mengenal pasti golongan yang memerlukan pengintegrasian. Data pentadbiran menyokong keadilan sosial dengan mengelakkan pertindihan bantuan dan memastikan ketelusan.



Perancangan Kesihatan



Sektor kesihatan merupakan antara tonggak utama dalam pembangunan sesebuah negara. Dengan populasi yang semakin bertambah dan keperluan rawatan yang kompleks, penggunaan data pentadbiran menjadi penting dalam memastikan perancangan kesihatan yang berkesan.

Pembangunan Infrastruktur

Perancangan fizikal memerlukan data tentang pertumbuhan penduduk, kepadatan kawasan, aliran trafik dan keperluan setempat. Data pentadbiran menjadi asas kepada penyediaan kemudahan awam yang lebih efisien.



Bandar Pintar



Bandar pintar (*smart city*) ialah konsep bandar yang menggabungkan teknologi dan data bagi meningkatkan kualiti hidup, kecekapan perkhidmatan dan kelestarian alam sekitar.



Inspirasi Global: Inovasi Melalui Data Pentadbiran



New Zealand

Integrated Data Infrastructure (IDI)

Pangkalan data penyelidikan berskala besar yang mengandungi mikrodata tanpa maklumat pengenalan diri mengenai individu dan isi rumah.



Mengandungi mikrodata berpusatkan individu yang diperoleh daripada pelbagai agensi kerajaan, survei oleh Stats NZ dan organisasi bukan kerajaan.

Kesihatan



Penduduk



Masyarakat & komuniti



Pendapatan & pekerjaan



Perumahan



Keadilan



Pendidikan & latihan



Faedah & perkhidmatan sosial

Longitudinal Business Database (LBD)

Melengkapi *Integrated Data Infrastructure (IDI)* dengan mikrodata berkaitan pertubuhan perniagaan.

Pertanian



Pekerjaan



Kewangan perniagaan



Inovasi



Amalan perniagaan



Perdagangan antarabangsa & pelancongan



Stats NZ mengamalkan *five safes framework* untuk memastikan bahawa data dikendalikan dan dikongsi secara selamat, bertanggungjawab dan beretika.




Semasa pandemik COVID-19, data IDI digunakan secara meluas dan berperanan penting dalam menilai serta memahami impak pandemik terhadap rakyat New Zealand.





United Kingdom


Integrated Data Service (IDS)



Inisiatif kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan yang dikendalikan oleh *Office for National Statistics (ONS)* di United Kingdom.



Menyediakan akses mudah dan selamat kepada data tanpa identiti peribadi (*de-identified data*) berkaitan masyarakat dan ekonomi.



Menggunakan *cloud-based Trusted Research Environment (TRE)* untuk memastikan keselamatan data dalam persekitaran yang terkawal, selamat dan terjamin.



Direka untuk menyokong penyelidikan penting dan membantu pembuat dasar dalam membuat keputusan yang lebih tepat dan berkesan berdasarkan data yang komprehensif.



Penggunaan data pentadbiran mengurangkan keperluan banci fizikal serta membantu menjimatkan kos dan meningkatkan ketepatan statistik rasmi.



IDS bekerjasama dengan agensi untuk mengumpul dan menganalisis data penggunaan tenaga bagi mengenal pasti kawasan kurang cekap tenaga dan menyokong dasar pengurangan karbon.

